



KENYATAAN MEDIA

YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR
MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

INSIDEN PENCEMARAN DI SUNGAI LANGAT

21 JANUARI 2017

Berhubung isu pencemaran di Sg Langat yang dilaporkan di media tempatan baru-baru ini, saya berharap semua pihak berkaitan mengambil tindakan sewajarnya secepat mungkin memandangkan ianya telah menyebabkan gangguan bekalan air kepada lebih 100,000 pengguna.

Isu pencemaran air ini bukanlah isu yang baru kerana ia telah berlaku berulang kali pada tahun lepas sehingga menyebabkan jutaan penduduk terjejas. Insiden kali ini menunjukkan sikap segelintir individu yang tidak bertanggungjawab terhadap alam sekitar dalam melaksanakan projek pembangunan.

Setiap pemaju projek pembangunan perlu menyediakan dan melaksanakan komponen kawalan pencemaran dalam pelan pembangunan mereka. Ini adalah keperluan yang kritikal, justeru saya berharap para pemaju projek pembangunan tidak memandang remeh akan keperluan ini.

Saya telah dimaklumkan bahawa satu lawatan tapak telah diadakan bersama pihak Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) , Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Selangor , Majlis Perbandaran Kajang (MPKj) dan Pejabat Tanah Hulu Langat pada 20 Januari yang lalu.

Hasil semakan mendapati, EKVE mempunyai kelulusan *Erosion and Sediment Control Plan* atau ESCP dari JPS namun tidak ada sebarang permohonan daripada pemaju kepada MPKj. EKVE ada menyediakan *silt trap* tetapi tahap efisien *silt trap* perlu ditambahbaik dan perkara ini telah dimaklumkan kepada pihak EKVE. Semakan tersebut juga mendapati pemaju projek Langat 2 di Anak Sungai Minchu dan Sg Minchu mempunyai langkah kawalan ESCP dan tidak mencemarkan Sg Minchu.

Sementara itu, pemaju projek Minchu Heights juga turut didapati tidak melakukan pencemarkan di Sg Minchu kerana adanya struktur *silt trap*. Hasil siasatan tapak dan maklumat dari LUAS mendapati pembukaan tanah oleh EKVE telah mencemarkan Sg Minchu dan Sg Langat.

Saya turut difahamkan bahawa *stop work order* telah dikeluarkan oleh MPKj manakala kerja-kerja pembaikan sedang berjalan di tapak projek. LUAS difahamkan telah mengambil tindakan dengan mengeluarkan surat arahan bagi tindakan kawalan di lokasi berkaitan

Saya berharap insiden ini tidak berulang lagi dimasa-masa akan datang. Kerjasama semua pihak amat diharapkan dalam menangani isu pencemaran air ini.

MENTERI SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

21 JANUARI 2017